



10 AUG, 2020

Lapan diarah berpatah balik

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Lapan diarah berpatah balik

.....
DIYANA SAMSUDDIN

KUCHING: Sebanyak 1,439 kenderaan melalui sekatan jalan raya antara zon (1&2) yang diadakan di dua lokasi iaitu di Daerah Simunjan dan Sri Aman setakat semalam.

Menurut kenyataan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS), daripada jumlah tersebut, 1,431 mendapat kebenaran dan lapan diarah berpatah balik kerana tidak memiliki surat kebenaran.

Sementara itu, PDRM mengeluarkan sebanyak 13 notis kompaun kerana tidak mematuhi garis panduan prosedur operasi standard (SOP). Notis kompaun yang dikeluarkan adalah di Kuching (7), Kota Samarahan (2), Miri (1), Betong (1) Sarikei (1) dan

Limbang (1).

PDRM akan terus memperketatkan garis panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam.

Menurut kenyataan itu lagi, setakat semalam sebanyak 1,670 premis dipantau iaitu pasar raya (141), restoran (446), kilang (11), bank (97), pejabat kerajaan (67), penjaja (65), pasar tani/awam (79), tempat ibadah (79), tempat riadah (34), tapak pembinaan (18) dan lain-lain (633).

Seramai 651 anggota pematuhan perintah kawalan pergerakan pemuliharaan (PKPP) yang terdiri daripada PDRM (339), ATM (41), RELA (138), APM (93), PBT (33) dan Lain-lain agensi (7) terlibat dalam pemantauan itu.

Manakala, enam sekatan jalan raya diadakan di

lima daerah sempena Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1).

“Dalam enam sekatan jalan raya tersebut, 713 jumlah kenderaan telah diperiksa,” ujar kenyataan berkenaan.

Semalam juga dicatatkan seramai 990 orang di bawah pengawasan (PUS) mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di 16 hotel adalah seramai 1,002 orang.

Manakala kata kenyataan itu seramai 20,577 PUS telah tamat menjalani tempoh kuarantin.

Semalam juga sebanyak tiga lokasi di Kuching (1), Sibu (1) dan Miri (1) terlibat dalam operasi nyahcemar dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak sebanyak 1,459 lokasi.



10 AUG, 2020

Lapan diarah berpatah balik

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Sebanyak 1,439 kenderaan melalui sekatan jalan raya antara zon (1&2) yang diadakan di dua lokasi iaitu di Daerah Simunjan dan Sri Aman setakat semalam. Menurut kenyataan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS), daripada jumlah tersebut, 1,431 mendapat kebenaran dan lapan diarah berpatah balik kerana tidak memiliki surat kebenaran. Sementara itu, PDRM mengeluarkan sebanyak 13 notis kompaun kerana tidak mematuhi garis panduan prosedur operasi standard (SOP).